



**PERBADANAN ASET KERETAPI
(KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA)**

PELUANG KERJAYA DI PERBADANAN ASET KERETAPI

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia mempelawa calon-calon yang berkelayakan dalam bidang berkaitan untuk mengisi jawatan berikut:

LANTIKAN KONTRAK				
BIL	JAWATAN	BAHAGIAN/ UNIT	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1	Pegawai Tadbir (Strategik) Gred N48	Unit Perancangan Strategik	1	Kontrak

SYARAT WAJIB PERMOHONAN

- warganegara Malaysia; dan
- berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

1. PEGAWAI TADBIR (STRATEGIK) GRED N48

i. BUTIRAN LANTIKAN

Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan dan Profesional	
Jadual Gaji	RM 5,118.00 (Minimum)	RM 11,634.00 (Maksimum)
Kadar Elaun	Imbuan Tetap Perumahan	RM700.00
	Imbuan Tetap Keraian	RM550.00
	Bantuan Sara Hidup	RM300.00

ii. SYARAT LANTIKAN

Tahap Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda.
Bidang/ Kelayakan Khusus	Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
	Atau
Tahap Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda kepujian.
Bidang/ Kelayakan Khusus	Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gaji Permulaan	RM5,118.00
Syarat Bahasa Melayu	Kepujian di peringkat SPM/SVM
Bidang Keutamaan	Pengangkutan, Pentadbiran Awam, Polisi Awam, Pengurusan, Pengurusan Perniagaan, Sains Sosial atau Ekonomi.

iii. SYARAT LANTIKAN TAMBAHAN

- a) Mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan Pengangkutan, Pentadbiran Awam, Polisi Awam, Pengurusan, Pengurusan Perniagaan, Sains Sosial atau Ekonomi.

iv. DESKRIPSI TUGAS

- a) Merancang, menggubal dan melaksanakan pengurusan serta perancangan strategik selaras dengan misi, visi dan objektif yang ingin dicapai;
- b) Menyediakan Pelan Strategik RAC bagi memastikan hala tuju RAC memenuhi keperluan industri pengangkutan dan pemegang taruh;
- c) Bertanggungjawab merancang pembangunan serta mengenalpasti kaedah bagi penyediaan Indeks Prestasi Utama (KPI) RAC; dan
- d) Bertanggungjawab menjalankan tugas sebagai urusetia mesyuarat Jawatankuasa Strategik dan Pelaburan RAC.

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui capaian <https://apps.rac.gov.my/ejawatan/>

LOKASI PEJABAT

Perbadanan Aset Keretapi, Tingkat 16, IOI City Tower 2, Lebuhr IRC, IOI Resort City, 62502 Putrajaya, Sepang, Selangor

TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **31 Disember 2020 (Khamis)** pukul **12.00 tengah hari**. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 03-8939 0200 atau emel ke hr@rac.gov.my

CATATAN AM

- i. Calon-calon yang **BERJAYA** sahaja akan dipanggil untuk temuduga dalam tempoh **6 bulan**; dan
- ii. **TEMPOH SAH LAKU** permohonan adalah selama **6 bulan** dari tarikh tutup iklan.